

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JUN 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 22

### 'Sasaran turun defisit kepada 5 peratus boleh dicapai'

## 'Sasaran turun defisit kepada 5 peratus boleh dicapai'

**Malaysia** mampu mencapai sasaran defisit fiskal 5 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) bagi 2023 berbanding 5.6 peratus pada 2022 meskipun berdepan persekitaran ekonomi mencabar, demikian kata ahli ekonomi.

Ketua Ekonomi OCBC Bank, Seiena Ling dan Pakar Ekonomi OCBC Bank, Lavanya Venkateswaran, berkata ia dijangka disokong oleh kutipan hasil lebih tinggi, subsidi dan perbelanjaan bantuan sosial lebih rendah.

Mereka berkata, kerajaan telah menyatakan hasratnya untuk meneruskan pelaksanaan mekanisme subsidi bersasar bagi bekalan elektrik dan minyak runcit yang akan mewujudkan ruang fiskal bagi memberi tumpuan terhadap perbelanjaan infrastruktur dan keutamaan pembangunan lain.

"Pelaksanaan subsidi penggunaan elektrik bersasar mungkin dilaksanakan seawal tahun ini, diikuti subsidi minyak ber-sasar pada 2024.

"Bagaimanapun langkah itu

mungkin menimbulkan tekanan inflasi," kata mereka dalam satu kenyataan mengenai tinjauan ekonomi bagi separuh kedua tahun ini.

#### Inflasi utama susut

Pakar ekonomi OCBC itu mengunjurkan inflasi utama menyusut kepada 2.9 peratus secara tahunan pada 2023 berbanding 3.4 peratus pada 2022, manakala inflasi teras kekal tidak berubah pada 3 peratus tahun ini.

Mereka berkata, angka itu berada dalam julat unjur 2.8

hingga 3.8 peratus oleh Bank Negara Malaysia (BNM) tahun ini bagi inflasi utama dan teras.

"Ketegaran inflasi teras ialah satu faktor penting bagi BNM yang dijangka mengekalkan pendirian tegasnya pada separuh kedua 2023.

"Unjuran asas kami ialah BNM akan mengekalkan kadar separang tempoh selanjutnya pada 2023 dan awal 2024.

"Bagaimanapun, jika Rizab Persekutuan AS (Fed) mengambil pendirian lebih tegas darip-

da unjuran asas kami, terdapat kemungkinan BNM meningkatkan kadar 25 mata asas pada lewat tahun ini," katanya.

Mengenai pertumbuhan ekonomi negara ini, pakar ekonomi itu menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 4.4 peratus secara tahunan pada 2023.

Mereka berkata, selepas kadar pertumbuhan mantap pada suku pertama 2023, momentum pertumbuhan dijangka menyederhana bagi suku selanjutnya tahun ini.

